# ALAMAT MAHKAMAH-MAHKAMAH SYARIAH NEGERI PULAU PINANG

### MAHKAMAH RAYUAN / TINGGI SYARIAH PULAU PINANG

Ketua Pendaftar / Pendaftar Mahkamah Rayuan / Tinggi
No. 3, Jln. Batu Gantung,
10450, Pulau Pinang.
Tel: 04-8282727 / 04-8278586 / 04-8271875
Faks: 04-8296427
E-mel Jabatan: jksnpp@penang.gov.my
E-mel Ketua Hakim: yusupct@penang.gov.my
E-mel Ketua Pendaftar: azzeman@esyariah.gov.my

### MAHKAMAH RENDAH SYARIAH TIMUR LAUT

Hakim
Mahkamah Rendah Syariah Timur Laut
No. 3, Jln. Batu Gantung,
10450, Pulau Pinang.
Tel: 04-82782727 / 04-8278586 / 04-8271780
Faks: 04-8272924
E-mel: yusri@esyariah.gov.my

### MAHKAMAH RENDAH SYARIAH BARAT DAYA

Hakim
Mahkamah Rendah Syariah Barat Daya
Jalan Titi Teras,
11000 Balik Pulau,
Pulau Pinang.
Tel: 04-8662282
Faks: 04-8665634
E-mel: munir@esyariah.gov.my

**JKSNPP**

### MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SEBERANG PERAI UTARA

Hakim
Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Utara
Jalan Loader, Off Jalan Bagan Luar
12000 Butterworth.
Tel: 04-3243075
Faks: 04-3322624
E-mel: zainol@esyariah.gov.my

### MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SEBERANG PERAI TENGAH

Hakim
Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Tengah
Bangunan Sri Mertajam,
No. 1765, Jalan Ciku,
14000 Bukit Mertajam.
Tel: 04-5375410
Faks:04-5309178
E-mel: zahir@esyariah.gov.my

### MAHKAMAH RENDAH SYARIAH SEBERANG PERAI SELATAN

Hakim
Mahkamah Rendah Syariah Seberang Perai Selatan
14200 Jawi,Seberang Perai Selatan.
Tel: 04-5827294
Faks: 04-5824589
E-mel: abubakar2@esyariah.gov.my

**http://jksn.penang.gov.my**


No. 3, Jln. Batu Gantung,
10450, Pulau Pinang.
Tel: 04-82782727
Faks: 04-8296427
E-mel: jksnpp@penang.gov.my


جباتن كحاكيمن شرعية نكري فولاو فينڠ
JABATAN KEHAKIMAN SYARIAH NEGERI PULAU PINANG

# PROFIL JKSNPP




Syariah Asas Keadilan

## VISI

Menjadi Institusi Kehakiman Syariah yang berwibawa.

## MISI

Melaksanakan perbicaraan, pengurusan Mahkamah dan perkhidmatan sokongan secara professional, berkesan dan sistematik berasaskan undang-undang dan Hukum Syarak.

## OBJEKTIF

- Menyedia dan melaksanakan pengurusan dan pengadilan kes-kes syariah berdasarkan hukum syarak dan undang-undang secara adil, cekap dan berkesan.
- Menyediakan pengurusan pentadbiran yang cekap dan berkualiti bagi memuaskan hati pelanggan.
- Menyediakan latihan untuk mempertingkatkan kemahiran pegawai dan kakitangan.
- Menyediakan kemudahan penggunaan teknologi komunikasi dan maklumat (ICT) dalam pentadbiran.
- Menyediakan kemudahan dan infrastruktur yang terbaik dan mencukupi.

## FUNGSI

- Menguruskan permohonan pendaftaran kes-kes syariah iaitu kes Mal, Jenayah dan Faraid.
- Menguruskan perbicaraan kes-kes syariah iaitu kes Mal, Jenayah dan Faraid.
- Menguruskan perintah-perintah mahkamah.
- Menguruskan kes-kes rayuan syariah secara teratur dan berkesan.
- Menguruskan permohonan pembahagian harta pusaka dan pengeluaran Sijil Faraid.
- Menjalankan urusan pentadbiran am mahkamah termasuk perkhidmatan kakitangan.
- Membangunkan sumber manusia yang terlatih dan mencukupi.
- Membuat perancangan dan pelaksanaan terhadap pembangunan serta keperluan mahkamah.

## PIAGAM PELANGGAN

Asas perkhidmatan jabatan ini ialah memberi keadilan kepada pelanggan yang berteraskan kepada Hukum Syarak dan Undang-Undang. Janji-janji jabatan ialah:

- Menetapkan tarikh sebutan/bicara/sulh kepada pelanggan pada hari pendaftaran kes.
- Menyebut/membicarakan sesuatu kes Mal, Jenayah dan Faraid dalam masa 21 hari selepas didaftarkan.
- Mengeluarkan Sijil Faraid dalam masa 5 hari bekerja selepas dibuat pembahagian hak waris.
- Menyebut/membicarakan dalam setahun sekurang-kurangnya 90% daripada kes Mal, Jenayah dan Faraid yang telah didaftarkan.
- Menyiasat dan mengambil tindakan yang sewajarnya ke atas setiap aduan pelanggan yang diterima, dalam tempoh 14 hari dari tarikh aduan itu diterima.
- Mendengar rayuan kali pertama dalam masa 30 hari selepas rekod rayuan diterima daripada mahkamah yang keputusannya dirayu.

## PUNCA KUASA

- Enakmen Pentadbiran Agama Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004.
- Enakmen Undang-Undang Keluarga Islam (Negeri Pulau Pinang) 2004.
- Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 1996.
- Enakmen Tatacara Jenayah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004.
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004.
- Enakmen Keterangan Tatacara Mal Mahkamah Syariah (Negeri Pulau Pinang) 2004.
- Kaedah-Kaedah Sulh (Negeri Pulau Pinang) 2006.

## SEJARAH JABATAN

**Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang (JKSNPP)** ditubuhkan berdasarkan Seksyen 42(1), (2) dan (3) Enakmen Pentadbiran Hal Ehwal Agama Islam Negeri Pulau Pinang 1993. Penubuhannya mula berkuatkuasa pada 1 Jun 1994 mengikut Warta Kerajaan Negeri Pulau Pinang Jld.40 Nombor 8 yang bertarikh 11 April 1996. Sejak ditubuhkan hingga 2 Januari 1997 Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang ditadbir bersama dengan Jabatan Agama Islam Negeri Pulau Pinang (JAIPP).

Mulai 1 Januari 1997 Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang telah diasingkan daripada pengurusan JAIPP dan mempunyai pentadbirannya sendiri, di mana Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang diketuai oleh Ketua Hakim Syarie Negeri Pulau Pinang. Perjawatan yang telah diluluskan oleh Perbendaharaan Malaysia untuk Jabatan ini pada mulanya ialah sebanyak 54 jawatan mengikut Waran Perjawatan Bilangan 68 Tahun 1996 yang berkuatkuasa mulai 2 Mei 1996. Kemudian ditambah lagi menjadikan jumlah terkini adalah sebanyak 88 jawatan mengikut Waran Perjawatan Bilangan 1 Tahun 2006.

Jabatan Kehakiman Syariah Negeri Pulau Pinang bertanggungjawab mengurus, mendengar dan memutus kes-kes disemua peringkat Mahkamah Rendah, Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan, di dalam pengurusan kes Mal, Jenayah dan Faraid.

## ORGANISASI JKSNPP

Struktur organisasi JKSNPP mengandungi tiga bahagian utama iaitu:

- Pejabat Ketua Hakim Syarie.
- Bahagian Khidmat Pengurusan dan Sumber Manusia.
- Bahagian Pentadbiran Kehakiman.